

**Nurul Izzah jelaskan mengapa dia berkecuali
Malaysiakini.com
September 8, 2010**

Perkara pertama yang mencuri tumpuan ahli parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar apabila masuk ke pejabatnya di tingkat dua adalah hiasan Aidilfitri.

Antaranya tergantung kad-kad Hari Raya yang menghiasi dinding pejabatnya ialah sekeping kad yang memaparkan logo kerajaan persekutuan.

"Mengapa kad dari sebuah kementerian berada di sini.? Saya terima kad raya dari (Menteri Pertahanan) Ahmad Zahid Hamidi, sehari selepas dia melabelkan saya sebagai penderhaka. Saya mencampakkan kad itu. (gelak) Tak, saya cuma bergurau," kata Nurul Izzah ketika diwawancara oleh Malaysiakini semalam.

Awal bulan Ramadan ini, Zahid melabelkan ahli parlimen muda ini sebagai penderhaka kerana pada wawancaranya dengan penerbitan Kompas, Indonesia bahawa kapal selam yang dibeli oleh kementerian pertahanan itu tidak boleh menyelam.

Bagaimanapun bagi anak sulung presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan ketua umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim kini semakin matang dan mapu menangkis serangan demi serangan yang dilontarkan ke atasnya.

Nurul Izzah dilihat semakin berani dan lantang serta bersedia keluar dari kepompong bayangan ibubapanya yang berpengaruh dalam politik itu.

Namun hubungan kekeluargaan juga menyaksikan kesukarannya untuk menyesuaikan diri khususnya memilih calon dalam menentukan siapa yang layak menduduki kerusi nombor dua parti itu jika Syed Husin Ali benar-benar bersara.

"Saya berkongsi pandangan dengan Zaid yang juga adalah ketua PKR Wilayah Persekutuan (Nurul Izzah adalah naib pengerusi) dan kami berbincang secara ikhlas dan terbuka mengenai masa depan parti di Wilayah Persekutuan tetapi saya juga membesar bersama (naib presiden) Azmin Ali yang juga adalah setiausaha sulit ayah saya," katanya.

Ketidak-hadirannya pada sidang media yang diadakan oleh 20 ahli parlimen dan senator PKR bagi mengumumkan sokongan kepada Azmin pada Isnin lalu menimbulkan pelbagai tandatanya.

"Saya tidak hadir sidang media itu. Ia adalah isyarat yang jelas mengenai pendirian berkecuali saya...Saya fikir pendirian itu seharusnya diambil oleh Lembah Pantai dan pasukan saya berhubung siapa yang akan kami calonkan," katanya.

Sokongan terbuka pada Isnin lalu itu diikuti dengan satu lagi kenyataan oleh 13 ADUN PKR dari Selangor dan Negeri Sembilan yang dikatakan menyokong Azmin.